

3/5/82

3 JUN 1982

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

KHAMIS, 3 JUN, 1982

MENGHADAP CABARAN DENGAN PERPADUAN

DALAM perutusannya kepada negara sempena sambutan harijadi baginda, DYMM Yang di-Pertuan Agong menekankan betapa pentingnya seluruh masyarakat di negara ini menghadapi sebarang cabaran yang muncul dari ketidak-stabilan politik dan ekonomi dunia dengan sepenuh kesabaran. Baginda juga melahirkan harapan supaya rakyat memperteguh perpaduan antara golongan dan kaum dalam menghadapi keadaan yang kritis ini. Hakikat bahawa negara tidak lagi boleh bebas dari kesan pergolakan dan ekonomi dunia tidak perlu ditekankan lagi.

Kesan kemelesetan ekonomi dunia terhadap harga bahan-bahan eskport utama negara ini, dari timah dan getah hinggalah kepada balak dan minyak sawit, telah ketara. Secara langsung kejatuhan harga bahan-bahan utama ini bukan sahaja telah menjejaskan dagangan negara malah permintaan yang terus lemah untuk bahan-bahan ini sudah mulai melahirkan kesan negatif yang menyeluruh terhadap per-

tumbuhan sektor-sektor pengeluaran berkenaan. Umpamanya kegagalan perjanjian timah antarabangsa keenam dan kejatuhan harga bahan itu di pasaran dunia yang diperburuk lagi oleh langkah Amerika Syarikat menjual stok simpanannya telah memaksa penutupan beratus lombong kerikil dan membawa kepada pengambilan langkah jangka panjang oleh Kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran bahan ini sehingga sebanyak 25 peratus.

Membendung kesan kemelesetan (dan inflasi) dunia dan serentak dengan itu mencuba pula mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang baik untuk negara tentulah bukan satu cabaran yang kecil. Menyedari hakikat ini Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semenjak awal-awal lagi menumpukan perhatian kepada keperluan memperkemas sistem pentadbiran awam dan mengkaji semula dasar pembangunan negara untuk mengawal keadaan. Kita maklum

bahawa urutan keutamaan pelaksanaan projek-projek RME sedang dikaji semula. Pembangunan projek-projek kos mahal dan yang kurang mustahak akan ditangguh dan hanya projek-projek yang penting dan yang memberikan faedah terus kepada rakyat sahaja yang tidak akan terjejas.

Pengambilan langkah-langkah demikian oleh Kerajaan sudah pasti akan melahirkan kesan-kesan yang positif. Tetapi menghadapi cabaran raksasa ini tentulah memerlukan sumbangan dan kerjasama dari orang ramai. Meningkatkan kadar pengeluaran individu, mengurangkan pembaziran dan menggalakkan penabungan dan taburan mestilah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat. Kerajaan hanya boleh memberikan daya penggerak dan menunjuk jalan — seperti mengarahkan orientasi kita ke timur dan mengamalkan etika kerja Jepun — namun kemajuan kita sebagai sebuah negara terletak di bahu kita semua.